

INTEGRASI INSTRUMEN ZAKAT DAN WAKAF (IIZAF) DALAM MENYOKONG KEMAMPAHAN PENTERNAKAN AYAM DI KELANTAN: SATU SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK

THE INTEGRATION OF ZAKAT AND WAQF INSTRUMENTS IN SUPPORTING THE SUSTAINABILITY OF POULTRY FARMING AT KELANTAN: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

Nur Shahidah binti Ab Hamid^{1&3}

Wan Noor Hazlina Wan Jusoh^{2*}

Asiah Kamal¹

Mujiburrahman Muhammad Saleh³

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan Kampus Machang, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia (nurshahidahhamid@gmail.com) (asiahkamal@uitm.edu.my)

^{2*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

Centre for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF) (wanno561@uitm.edu.my)

³ Faculty of Syariah and Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com)

*Corresponding author: wanno561@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ab Hamid, N. S., Wan Jusoh, W. N. H., Kamal, A., & Muhammad Saleh, M. (2025). Integrasi instrumen zakat dan wakaf (IIZAF) dalam menyokong kemampuhan penternakan ayam di Kelantan: Satu sorotan literatur sistematik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 998 - 1007.

Abstrak: *Penternakan ayam merupakan industri yang terbesar menyumbang kepada ternakan negara iaitu daging ayam sebanyak 52.2% diikuti telur ayam/itik sebanyak 26.3%. Jumlah keseluruhan pengeluaran bernilai RM 12, 808.7 juta pada tahun 2023. Ia merupakan sektor penting dalam menjamin sekuriti makanan negara, khususnya sebagai sumber utama protein rakyat Malaysia. Walaupun Tahap Sara Diri (SSL) ayam di Malaysia mencapai tahap sebanyak 90.2% pada tahun 2023, namun terdapat negeri seperti Kelantan yang mengalami masalah kekurangan bekalan ayam disebabkan pelbagai cabaran seperti peningkatan kos pengeluaran, ketidakpastian harga, dan kebergantungan kepada bekalan luar telah menjejaskan kemampuhan sektor ini. Dalam konteks ini, instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf dilihat berpotensi untuk dimobilisasi sebagai alternatif pembiayaan dan pembangunan ekonomi asnaf. Namun, kajian semasa masih kurang memberi tumpuan kepada integrasi kedua-dua instrumen ini dalam sektor penternakan ayam secara holistik. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti instrumen zakat dan wakaf dalam pembangunan pertanian dan penternakan, serta menganalisis potensi integrasi kedua-duanya dalam membangunkan model penternakan ayam yang mampan. Kajian ini menggunakan pendekatan Systematic Literature*

Review (SLR) berpandukan protokol ROSES. Carian artikel dilakukan dalam pangkalan data Scopus dan Web of Science (WOS) merangkumi tempoh 2022 hingga 2025. Sebanyak 35 artikel telah dipilih melalui proses saringan dan dianalisis secara tematik berdasarkan pendekatan Braun & Clarke. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat tiga tema utama iaitu: i. instrumen zakat yang mengandungi lapan subtema iaitu modal, latihan, kelengkapan, pembiayaan, pemantauan, kerjasama strategik dengan pihak pemegang taruh, tadbir urus dan asnaf. Manakala tema kedua iaitu instrumen wakaf mengandungi lima tema iaitu: wakaf tanah, wakaf tunai, pembiayaan infrastruktur, pembiayaan modal dan wakaf pendanaan awam. Manakala tema ketiga ialah integrasi instrumen zakat dan wakaf. Namun, tiada model yang benar-benar mengintegrasikan zakat dan wakaf secara sistematik dalam konteks penternakan ayam. Kajian ini mencadangkan keperluan membangunkan model integratif zakat dan wakaf yang lebih terarah bagi menyokong kelestarian ekonomi asnaf dan pengeluaran makanan halal di Malaysia. Implikasi kajian ini memberi sumbangan kepada penggubalan dasar serta inovasi model kewangan Islam dalam sektor pertanian berasaskan komuniti.

Kata Kunci: Zakat dan Wakaf, Penternakan Ayam, Sekuriti Makanan, Kemampanan, Integrasi Kewangan Sosial Islam.

Abstract: Poultry farming is the largest contributor to the national livestock industry, with chicken meat contribute for 52.2%, followed by chicken/duck eggs at 26.3%. The total production value amounted to RM12,808.7 million in 2023. This sector plays a crucial role in ensuring national food security, particularly as a primary source of protein for Malaysians. Although the Self-Sufficiency Level (SSL) for chicken in Malaysia reached 90.2% in 2023, certain states such as Kelantan are facing shortages in chicken supply due to various challenges including rising production costs, price volatility, and dependency on external sources, which have affected the sustainability of the sector. In this context, Islamic social finance instruments such as zakat and waqf are seen as having the potential to be mobilised as alternative means of financing and economic development for the asnaf (eligible zakat recipients). However, existing studies have yet to give sufficient attention to the holistic integration of both instruments within the poultry farming sector. This study aims to identify the application of zakat and waqf instruments in agricultural and livestock development, as well as to analyse the potential integration of both instruments in developing a sustainable poultry farming model. The study employs a Systematic Literature Review (SLR) approach guided by the ROSES protocol. Article searches were conducted using the Scopus and Web of Science (WOS) databases, covering the period from 2022 to 2025. A total of 35 articles were selected through a screening process and thematically analysed based on Braun & Clarke's approach. Findings reveal three main themes: i. Zakat instruments, which include eight subthemes; capital, training, equipment, financing, monitoring, strategic collaboration with stakeholders, governance, and asnaf. ii. Waqf instruments, which encompass five subthemes: waqf land, cash waqf, infrastructure financing, capital financing, and public fundraising waqf. iii. The integration of zakat and waqf instruments. However, there is currently no model that systematically integrates both zakat and waqf within the context of poultry farming. This study highlights the need to develop a more targeted integrative zakat and waqf model to support the economic sustainability of asnaf communities and the production of halal food in Malaysia. The implications of this study contribute to policy formulation and innovation in Islamic financial models within community-based agricultural sectors.

Keywords: Zakat and Waqf, Poultry Farming, Food Security, Sustainability, Integration Islamic Social Finance.

Pengenalan

Penternakan ayam merupakan sub-sektor pertanian yang menyumbang kepada sekuriti makanan negara. Ia merupakan industri yang terbesar menyumbang kepada ternakan negara iaitu daging ayam sebanyak 52.2% diikuti telur ayam/itik sebanyak 26.3%. Jumlah keseluruhan pengeluaran bernilai RM 12,808.7 juta pada tahun 2023 (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2024). Permintaan domestik terhadap daging ayam dan telur sangat tinggi. Purata rakyat Malaysia menggunakan daging ayam adalah sebanyak 49.3 kg manakala telur ayam/itik sebanyak 433.7 biji pada tahun 2023 (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2024). Ayam dipilih kerana merupakan sumber protein yang mudah didapati dan murah berbanding lembu, kambing dan ikan. Namun terdapat negeri seperti Kelantan yang masih berdepan dengan isu kekurangan bekalan ayam secara berterusan. Tahap sara diri ayam di Kelantan hanya pada kadar 19.75% pada tahun 2023 (RTV Kelantan, 2024). Keadaan ini memaksa Kelantan mengimport lebih kurang 100 000 ekor ayam sehari untuk memenuhi keperluan domestik (Wahid, 2025). Ayam merupakan sumber protein asas yang menjadi keperluan harian rakyat, namun krisis bekalan ini telah memberi kesan kepada kestabilan harga dan kesejahteraan pengguna, khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan asnaf. Faktor-faktor seperti penarikan subsidi, kos makanan ayam yang tinggi, kenaikan kos utiliti, serta kebergantungan kepada pembekal luar menyumbang kepada ketidakpastian industri penternakan ayam tempatan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022; Jamaludin et al., 2023; Samsuddin et al., 2015).

Dalam menghadapi isu ini, terdapat keperluan untuk meneroka pendekatan alternatif yang mampan dan bersifat lestari. Instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf berpotensi besar untuk digembleng bagi menyokong pembangunan penternakan ayam. Zakat dapat digunakan bagi membiayai kos operasi atau pembangunan keusahawanan asnaf, manakala wakaf khususnya wakaf produktif boleh digunakan untuk menyokong fasiliti fizikal, tanah atau pembelian peralatan. Namun begitu, kajian yang menyentuh integrasi kedua-dua instrumen ini dalam konteks sekuriti makanan dan penternakan ayam masih sangat terhad dan tidak tersusun secara sistematik.

Kebanyakan kajian terdahulu menggunakan pendekatan kajian literatur tradisional yang bersifat naratif, tidak mengikuti kaedah pencarian tertentu, serta tidak menilai kualiti artikel yang digunakan. Hal ini menjadikan dapatan sukar diukur semula, tidak menyeluruh, dan cenderung kepada berat sebelah dalam pemilihan (Durach et al., 2017; Kraus & Dasí-rodríguez, 2020). Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menjalankan Kajian Literatur Sistemik (*Systematic Literature Review, SLR*) bagi mengumpul dan menganalisis kajian-kajian yang berkaitan secara lebih berstruktur, objektif dan telus. SLR mempunyai kelebihan dari aspek metodologi kerana ia melibatkan proses pencarian terancang, penapisan artikel, penilaian kualiti dan sintesis dapatan (Petticrew & Roberts, 2006), sekaligus mengurangkan risiko bias dan meningkatkan ketelusan hasil kajian (Kraus & Dasí-rodríguez, 2020).

Berbeza dengan kajian-kajian SLR terdahulu yang hanya memfokuskan kepada salah satu aspek seperti zakat, wakaf, atau sekuriti makanan secara terpisah, kajian ini menggabungkan ketiga-tiga elemen tersebut secara integratif dalam satu kerangka yang jelas. Kajian ini menumpukan kepada literatur yang melibatkan integrasi zakat dan wakaf dalam pembangunan penternakan bagi menyokong sekuriti makanan, dengan fokus khusus kepada komuniti asnaf dan konteks negeri Kelantan. Berdasarkan latar permasalahan ini, persoalan utama kajian ini ialah: “Bagaimanakah instrumen zakat dan wakaf berpotensi diintegrasikan dalam pembangunan penternakan ayam untuk menyokong sekuriti makanan di Kelantan?”

Sehubungan itu, objektif utama SLR ini adalah untuk mengenal pasti bentuk instrumen zakat dan wakaf dalam pembangunan pertanian dan penternakan serta menganalisis potensi integrasi kedua-duanya dalam membangunkan model penternakan ayam yang mampan.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian literatur sistematik yang menggunakan protokol *RepOrting Standards for Systematic Evidence Syntheses* (ROSES) (Haddaway et al., 2018). Bahagian ini merangkumi lima komponen utama, iaitu penyediaan protokol kajian literatur, pembentukan soalan penyelidikan, pelaksanaan strategi pencarian secara sistematik, penilaian terhadap kualiti kajian terpilih, serta proses pengekstrakan dan penganalisisan data.

Protokol ROSES

Panduan metodologi telah digunakan oleh penyelidik dalam kajian literatur sistematik (SLR) ini berdasarkan kerangka ROSES. Protokol ROSES digunakan kerana ia direka khas untuk bidang sains alam sekitar dan sains sosial, dengan menyediakan panduan pelaporan yang sesuai untuk jenis kajian ini (Haddaway et al., 2018). Berdasarkan kepada ROSES, penyelidik telah merumuskan empat langkah metodologi utama. Pertama, penyelidik merangka soalan penyelidikan yang bersesuaian. Seterusnya, penyelidik melaksanakan strategi pencarian sistematik yang merangkumi tiga proses utama: pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*), dan kelayakan (*eligibility*). Kemudian, penyelidik menjalankan proses penilaian kualiti dan akhirnya melengkapkan metodologi SLR dengan pengekstrakan serta analisis data terhadap artikel yang telah dipilih.

Perumusan Soalan Penyelidikan


Perumusan soalan penyelidikan merupakan asas penting dalam pelaksanaan kajian literatur sistematik (SLR) kerana ia menjadi panduan dalam pemilihan artikel, pengekstrakan data dan pelaporan dapatan (Xiao & Watson, 2019). Dalam kajian ini, perumusan soalan penyelidikan berpandukan kepada kerangka PICo seperti yang dicadangkan oleh (Lockwood et al., 2015). PICo ialah satu alat bantu dalam membentuk soalan penyelidikan secara sistematik berdasarkan tiga elemen utama, iaitu Populasi (*Population*), Fenomena yang dikaji (*Phenomenon of Interest*), dan Konteks (*Context*). Populasi bagi kajian ini merujuk kepada golongan asnaf yang terlibat atau berpotensi terlibat dalam bidang penternakan ayam. Fenomena yang dikaji pula ialah integrasi instrumen zakat dan wakaf, manakala konteks kajian tertumpu kepada pembangunan penternakan ayam sebagai satu usaha menyokong sekuriti makanan di negeri Kelantan. Berdasarkan ketiga-tiga elemen tersebut, soalan penyelidikan bagi kajian ini dirumuskan seperti berikut: "Bagaimanakah integrasi instrumen zakat dan wakaf dapat menyokong golongan asnaf dalam konteks pembangunan penternakan ayam bagi memperkukuh sekuriti makanan di Kelantan?".

Strategi Pencarian Secara Sistematik

Terdapat tiga fasa utama dalam pelaksanaan strategi pencarian secara sistematik, iaitu pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Ketiga-tiga fasa ini digambarkan dalam carta alir pada Rajah 1, yang diadaptasi daripada carta alir oleh Sulaiman et al. (2023).

Pengenalpastian (*Identification*)

Fasa pengenalpastian merupakan proses pencarian awal yang melibatkan penyenaian kata kunci utama serta sinonim, istilah berkaitan dan variasi lain yang relevan dengan skop kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.



Rajah 1: Proses Pengenalpastian, Penyaringan, Kelayakan dan Yang Terlibat

Sumber: Carta alir diadaptasi daripada Sulaiman et al (2023).

Dalam konteks kajian ini, kata kunci utama merangkumi zakat, wakaf, penternakan ayam, sekuriti makanan, dan asnaf. Bagi memperkayakan istilah carian dan memastikan liputan literatur yang lebih menyeluruh, penyelidik merujuk kepada dua sumber utama, iaitu tesaurus dalam talian dan kata kunci daripada kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan instrumen kewangan Islam dan pertanian halal. Selaras dengan saranan oleh Durach et al. (2017) bagi mengelakkan berat sebelah dalam pemilihan, penyelidik telah menggunakan lebih daripada satu pangkalan data. Oleh itu, dua pangkalan data telah dipilih: dua pangkalan data utama iaitu

Scopus dan *Web of Sciences (WOS)*. Kedua-dua pangkalan data ini membolehkan pencarian yang lebih luas terhadap artikel-artikel berkaitan integrasi zakat dan wakaf dalam pembangunan penternakan ayam dan sekuriti makanan, khususnya dalam konteks Malaysia dan negara Islam lain. Penggunaan *Scopus* sebagai pangkalan data utama adalah disebabkan statusnya sebagai pangkalan data berindeks penuh yang mengandungi lebih daripada 70 juta rekod dan merangkumi jurnal pelbagai disiplin (Gusenbauer & Haddaway, 2020) *Scopus* mempunyai kelebihan dari aspek kawalan kualiti, pencarian teks penuh, panjang rentetan carian maksimum, fungsi pencarian lanjutan, serta keboleholungan hasil carian di lokasi yang berbeza (Gusenbauer & Haddaway, 2020).

Selain itu, *WoS* turut dipilih sebagai salah satu pangkalan data utama berdasarkan beberapa justifikasi. Pertama, ia menawarkan akses kepada lebih banyak sumber dengan anggaran 73 juta rekod dokumen dan mengandungi jurnal pelbagai disiplin (Gusenbauer & Haddaway, 2020) Kedua, ia menyediakan liputan yang lebih luas dalam bidang sains sosial, ekonomi dan kewangan yang relevan dengan tema zakat, wakaf dan pembangunan komuniti.

Penapisan (Screening)

Bagi pangkalan data *Scopus*, proses pembentukan rentetan carian telah dilaksanakan secara teliti dengan menggunakan pelbagai teknik carian seperti fungsi kod medan (*field code*), pencarian frasa (*phrase searching*) dan *operator Boolean (OR, AND)*. Teknik-teknik ini bertujuan untuk mendapatkan artikel yang paling relevan dan komprehensif berkaitan dengan tema integrasi zakat dan wakaf dalam pembangunan penternakan ayam dan sekuriti makanan. Carian dijalankan menggunakan kaedah pencarian frasa dan gabungan operator *Boolean*, dengan pelbagai kombinasi kata kunci sebagaimana dalam Jadual 1. Keseluruhan proses pencarian artikel ini telah dijalankan pada 17 Julai 2025. Hasil pencarian daripada kedua-dua pangkalan data ini telah menghasilkan sebanyak 474 artikel, setelah mengalami saringan dan kelayakan, maka 35 hanya untuk dinilai dalam fasa seterusnya. Dalam Jadual 1 menunjukkan proses pencarian data dan kriteria data.

Jadual 1: Proses Pencarian Data dan Kriteria Data

Sajian 11 Proses Pencarian Data dan Filter Data		
Database	Pencarian Kata kunci	
Scopus & WOS	(("zakat" OR "zakah" OR "Islamic almsgiving" OR "Islamic redistribution" OR "waqf" OR "wakaf" OR "Islamic endowment" OR "religious endowment" OR "productive waqf" OR "waqf financing") AND ("food security" OR "sekuriti makanan" OR "food resilience" OR "food access" OR "food sustainability" OR "food system stability" OR "agro-food security" OR "poultry farming" OR "chicken farming" OR "penternakan ayam" OR "poultry production" OR "broiler farming" OR "ayam pedaging" OR "livestock farming" OR "livestock sector" OR "asnaf" OR "beneficiaries" OR "Islamic poverty group" OR "zakat recipients" OR "underprivileged Muslim community" OR "Islamic social finance" OR "Islamic finance for development" OR "Islamic microfinance" OR "faith-based finance" OR "food production" OR "agriculture" OR "halal farming" OR "agro-based industry"))	
Kriteria yang dipilih		
Kriteria	Termasuk	Tidak Termasuk
Jenis Literatur	Jurnal	Selain Jurnal
Bahasa	Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab	Turki
Timeline	2022-2025	Selain 2022-2025

Subjek berkenaan	Sains sosial, ekonomi dan kewangan, pengurusan perniagaan dan akaun	Selain sains sosial, ekonomi dan kewangan, pengurusan perniagaan dan akaun
(Sumber: Penulis)		

Kelayakan (*Eligibility*)

Proses kelayakan adalah proses untuk memilih artikel yang memenuhi kehendak kajian yang akan menilai artikel dari sudut tajuk, abstrak, dapatan dan perbincangan agar bersesuaian dengan tema dan objektif kajian.

Estrak Data dan Analisis Kandungan

Proses mengekstrak data ini melibatkan penelitian secara menyeluruh terhadap bahagian abstrak, keputusan dan dapatan daripada 35 artikel yang telah dipilih. Data hanya diekstrak sekiranya artikel tersebut memenuhi dua kriteria utama: pertama, ia menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan; dan kedua, ia mempunyai kaitan langsung dengan objektif kajian. Data dianalisa menggunakan analisis tematik iaitu digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir tema serta subtema yang muncul daripada data yang telah dikumpulkan (Braun & Clarke, 2006). Dalam proses ini, penyelidik mengenal pasti persamaan dan hubungan antara data yang diekstrak untuk membentuk tema dan subtema yang berkaitan. Akhirnya, tema-tema tersebut dikodkan untuk menghasilkan tema utama yang menjadi asas kepada dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian membahagikan potensi IIZAF kepada tiga tema utama sebagaimana dalam Jadual 2.

Latar Belakang Dapatan Kajian

Dapatan kajian membahagikan potensi IIZAF kepada tiga tema utama sebagaimana dalam Jadual 2. Tema pertama ialah instrumen zakat dan mengandungi lapan subtema iaitu modal, latihan, kelengkapan, pembiayaan, pemantauan, kerjasama pintar, tadbir urus dan asnaf. Manakala tema kedua iaitu instrumen wakaf mengandungi lima tema iaitu: wakaf tanah, wakaf tunai, pembiayaan infrastruktur, pembiayaan modal dan wakaf pendanaan awam. Manakala tema ketiga ialah integrasi instrumen zakat dan wakaf. Manakala berdasarkan pemeriksaan terhadap artikel-artikel tersebut menunjukkan bahawa dua kajian menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed method*), manakala empat menggunakan kaedah kuantitatif dan 29 kajian menggunakan kaedah kualitatif. Sebelas kajian dijalankan di Indonesia, manakala 17 kajian lagi dijalankan di Malaysia dan tiga kajian di Indonesia dan Malaysia. Manakala empat lokasi berbeza iaitu Pakistan, Sepanyol, Yaman dan Singapura. Daripada 35 artikel tersebut, tujuh diterbitkan pada tahun 2022, enam pada tahun 2023, 17 belas pada tahun 2024, lima pada tahun 2025.

Jadual 2: Dapatan Kajian

Bil	Penulis/ Tahun	Metod	Negara	Instrumen Zakat						Instrumen Wakaf					IIZAF
				M D	L N	K N	P N	P U	K P	T U	A S	W T	W I	P I	
1	(Sukmana et al., 2024)	Kualitatif	Indonesia								✓	✓	✓	✓	
2	(Abdul Majid et al., 2024)	Kualitatif	Malaysia	✓	✓	✓	✓		✓	✓					
3	(Majid, Rifaldi, 2023)	Kualitatif	Indonesia									✓	✓	✓	
4	(Hanifuddin et al., 2024)	Kualitatif	Indonesia				✓								
5	(Nazeri et al., 2023)	Kualitatif	Malaysia							✓					
6	(Mustofa et al., 2025)	Kualitatif	Malaysia					✓		✓					
7	(S. W. S. A. Sanusi et al., 2023)	Kualitatif	Malaysia									✓			
8	(Khan & Badjie, 2022)	Kualitatif	Singapura	✓									✓		
9	(Ayub et al., 2024)	Kualitatif	Pakistan									✓		✓	
1	(Ascarya & Masrifah, 2023)	Kualiatatif	Indonesia									✓		✓	
1	(Siregar et al., 2024)	Kuantitatif	Indonesia				✓								
1	(Ali Azizan et al., 2022)	Kualitatif	Malaysia								✓				
1	(Al-Tulaibawi et al., 2024)	Campuran	Sepanyol								✓				
1	(Sarif et al., 2024)	Kuantitatif	Malaysia	✓	✓										
1	(S. Sanusi et al., 2024)	Kualitatif	Malaysia								✓				
1	(Listiana et al., 2025)	Kualitatif	Indonesia									✓			
1	(Ascarya et al., 2022)	Kualitatif	Malaysia									✓			
1	(Thaidi & Rahman, 2022)	Kualitatif	Indonesia & Malaysia				✓								
1	(Supriatna et al., 2024)	Kualitatif	Indonesia									✓			
2	(Syahid et al., 2024)	Kuantitatif	Malaysia				✓			✓					
2	(Adli Zahri et al., 2023)	Kualitatif	Indonesia & Malaysia				✓	✓		✓					
2	(Akbar et al., 2024)	Campuran	Malaysia							✓					
2	(Ishak et al., 2025)	Kualitatif	Malaysia									✓			
2	(Islam & Ahmad, 2022)	Kualitatif	Malaysia				✓								

2 (Saad et al., 2022)	Kualitatif	Yaman		✓	
2 (Mukhlisin et al., 2025)	Kualitatif	Indonesia	✓		✓
2 (Laila et al., 2023)	Kualitatif	Malaysia dan Indonesia			✓
2 (Anwar et al., 2024)	Kualitatif	Indonesia		✓	
2 (Al-Daihani et al., 2025)	Kualitatif	Malaysia			✓
3 (Ali et al., 2024)	Kualitatif	Malaysia	✓	✓	
3 (Yumna et al., 2024)	Kuantitatif	Indonesia			✓
3 (Tamby Omar et al., 2024)	Kualitatif	Malaysia		✓	
3 (Saputra & Tanjung, 2024)	Kualitatif	Indonesia	✓	✓	✓
3 (Al-Daihani et al., 2024)	Kualitatif	Malaysia			✓
3 (Amin, 2022)	Kualitatif	Malaysia		✓	

Sumber: Olahan Penulis

Nota : **Instrumen Zakat**=MD- Modal LN-Latihan KN-Kelengkapan PN -Pembiayaan PU-Pemantauan KP-Kerjasama Pintar TD-Tadbir Urus AS-Asnaf

Instrumen Wakaf: WT-Wakaf Tanah WI-Wakaf Tunai PI-Pembiayaan insfrastruktur PM-Pembiayaan modal WC-Wakaf Pendanaan Awam

IIZAF-Integrasi instrumen Zakat dan Wakaf

Perbincangan

Dapatan daripada kajian lepas menunjukkan tiga tema utama iaitu: Instrumen Zakat, Instrumen Wakaf dan Integrasi Instrumen Zakat dan Wakaf.

Instrumen Zakat

Zakat telah menjadi instrumen utama dalam masyarakat Islam sejak sekian lama bagi menangani isu kemiskinan dan memperkukuh keadilan sosial. Sebagai satu daripada lima rukun Islam, zakat membawa fungsi spiritual dan ekonomi dengan menjamin pengagihan semula kekayaan secara adil antara golongan masyarakat yang berbeza (Abdul Majid et al., 2024). Kajian lepas menunjukkan zakat adalah sebagai salah instrumen untuk pembangunan ekonomi dan mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan dan kelaparan. Antara instrumen zakat yang turut berpotensi untuk digunakan untuk penternakan ayam adalah:

Zakat Menyediakan Modal

Zakat diberikan dengan pemberian bantuan dalam bentuk modal kepada para asnaf yang terlibat dalam perniagaan. Bantuan modal kebiasaannya dikenali dengan zakat produktif, diberikan kepada asnaf untuk memulakan perniagaan atau bantuan tambahan terhadap perusahaannya (Khan & Badjie, 2022), namun cabarannya bantuan modal tersebut kebiasaannya diberikan secara sekaligus dan tidak mencukupi serta memerlukan bantuan lanjutan untuk mengekalkan penghasilan bagi sesuatu pekerjaan (Abdul Majid et al., 2024; Sarif et al., 2024). Kajian di Desa Mangga, Indonesia mendapati, pemberian modal secara berterusan dapat meningkatkan

penghasilan petani dan memberi kemampanan dari sudut penerusan pekerjaan (Saputra & Tanjung, 2024).

Zakat Menyediakan Latihan

Zakat juga berperanan mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan. Oleh kerana itu, selain daripada modal, asnaf turut dibekalkan ilmu dan latihan dalam bidang yang berkaitan untuk memperkasakan asnaf (Saputra & Tanjung, 2024). Terdapat kajian yang mencadangkan agar latihan dijadikan salah satu model zakat pada masa hadapan untuk memastikan kemampanan pendapatan bagi para asnaf (Sarif et al., 2024). Manakala di Kedah, melalui Lembaga Zakat Negeri Kedah, dana zakat turut digunakan untuk memberikan pendidikan dan latihan untuk membangunkan kepakaran asnaf dalam penanaman padi (Abdul Majid et al., 2024). Terdapat kajian menunjukkan bahawa elemen kerohanian seperti iman, amanah, kesungguhan, tawakal dan ihsan memainkan peranan penting dalam membentuk semangat dan kemajuan usahawan dalam kalangan asnaf. Justeru, dicadangkan agar institusi zakat bukan sekadar menyalurkan bantuan kewangan, tetapi turut menyediakan sokongan berbentuk pemerksaan rohani seperti kursus motivasi dan khidmat nasihat. Pendekatan ini diyakini dapat mengukuhkan daya tahan usahawan asnaf, khususnya dalam menghadapi cabaran dan tekanan ekonomi (Ali et al., 2024).

Zakat Menyediakan Kelengkapan

Selain itu, dana zakat boleh digunakan untuk menyediakan bantuan memulakan perniagaan dengan membeli kelengkapan yang diperlukan oleh asnaf usahawan (Saputra & Tanjung, 2024). Di Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menyalurkan dana zakat kepada kelengkapan yang diperlukan dalam penanaman padi (Abdul Majid et al., 2024).

Zakat Menyediakan Pembiayaan

Di Indonesia, Banziska memberikan zakat dalam bentuk *qard al-hasan* atau pinjaman khusus kepada mana-mana petani yang terlibat dengan pinjaman wang dengan 'jerung' atau asnaf *gharimin* (Hanifuddin et al., 2024). Manakala pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh BAZNAS Labuhanbatu Utara, Indonesia kepada 100 orang *mustahiq* untuk memajukan perniagaan memberikan kesan yang positif kepada asnaf (Siregar et al., 2024). Namun di Malaysia masih belum ada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri yang memberikan zakat sebagai pinjaman. Fatwa daripada Pulau Pinang menyatakan zakat tidak harus diberikan dalam bentuk pinjaman kerana zakat merupakan *tamlik* (memberi milik), bukan pinjaman (Jabatan Mufti Pulau Pinang, 2000).

Walau bagaimanapun, terdapat kajian di Selangor yang mengkaji tahap kesediaan sembilan orang usahawan untuk menerima pinjaman zakat. Mereka bersetuju dan bersedia sekiranya Malaysia dapat memberikan zakat secara pinjaman. Hal ini kerana dengan pinjaman, para peniaga akan lebih berdisiplin untuk membayar balik pembayaran dan dana tersebut boleh digunakan kembali oleh ramai lagi usahawan lain dan akan menjadikannya lebih mampan (Adli Zahri et al., 2023). Namun sebenarnya, pemberian wang zakat sebagai pembiayaan mikro kredit *qard hasan* telah dilaksanakan di Kedah. LZNK tidak menggunakan wang zakat daripada asnaf lain yang menjadi khilaf para ulamak, bahkan menggunakan dana mereka sendiri sebagai amil untuk dijadikan pinjaman kepada petani dengan mengadakan perkongsian pintar bersama Bank Islam. Dana amil yang didapati oleh LZNK kerana mereka dilantik sebagai amil, dana yang terkumpul menjadi hakmilik LZNK dan diserahkan kepada Bank Islam untuk melaksanakan pinjaman tanpa faedah kerana LZNK tiada pengalaman untuk menguruskan pinjaman (Zulkifli et al., 2024).

Zakat Menyediakan Pemantauan

Antara instrumen zakat yang berkesan adalah pemantauan. Pemantauan yang baik akan membantu asnaf mengelola kerja mereka dengan lebih baik. Namun antara kekangan yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Negeri contohnya di Selangor ialah kekurangan kakitangan dan kekurangan kepakaran untuk melakukan pemantauan yang baik (Ab. Rahman et al., 2018). Oleh hal demikian, terdapat cadangan untuk mengadakan pemantauan asnaf secara digital dan boleh dipantau secara semasa (*real-time*) (Mukhlisin et al., 2025; Mustofa et al., 2025). Aplikasi digital dapat memudahkan proses pemantauan dan tidak memerlukan kakitangan yang ramai serta dapat dilaksanakan pemantauan secara berkesan (Ab. Rahman et al., 2018).

Kerjasama Pintar dengan Pihak Pemegang Taruh

Antara yang menjadi keperluan usahawan asnaf ialah memastikan rantai bekalan produk mereka berjalan dengan baik. Oleh itu, pihak pengurusan zakat dapat membantu mereka dengan mengadakan kolaborasi dengan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk kelancaran rantai nilai dan memasarkan produk asnaf. Antara inisiatif yang dijalankan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) adalah mengenal pasti asnaf dan menyediakan sokongan sumber dan mewujudkan kerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menyumbang melalui kepakaran akademik, penyelidikan dan latihan, manakala agropreneur dan petani tempatan melaksanakan aktiviti lapangan, mewujudkan ekosistem sosioekonomi yang mampan (Abdul Majid et al., 2024).

Tadbir Urus Zakat

Dari sudut pengurusan dan tadbir urus zakat, antara masalah yang dihadapi oleh Majlis Agama Islam Negeri ialah kekurangan pelan strategik membangunkan ekonomi ummah (Mat Daud & Mubarak, 2020). Namun bagi LZNK, mereka mempunyai pelan strategik yang jelas untuk membangunkan ekonomi ummah (Abdul Majid et al., 2024) sebagaimana Rajah 2.



Rajah 2: Perancangan Strategik LZNK Model Struktur Tadbir Urus (Program Pembangunan Ekonomi Ummah)

Sumber: Abdul Majid et al (2024)

Selain itu, dicadangkan penambahbaikan dari sudut ketelusan, pihak zakat dicadangkan untuk menggunakan teknologi *blockchain* kerana meningkatkan kepercayaan penyumbang (Nazeri et al., 2023).

Asnaf Zakat

Asnaf merupakan salah satu daripada instrumen zakat. Pemerkasaan asnaf ditekankan kerana zakat juga berperanan mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan. Terdapat kajian yang menunjukkan konsep kekuatan ikatan seperti kepercayaan, keintensifan emosi, dan pertukaran hubungan boleh mendorong asnaf meningkatkan komitmen normatif iaitu rasa tanggungjawab moral dalam menjalankan projek penternakan dan mendorong tingkah laku penerima yang lebih produktif, amanah, dan berdaya tahan (Tamby Omar et al., 2024). Oleh kerana itu, program pemerkasaan asnaf yang dibuat secara berkelompok dapat meningkatkan hubungan sosial di samping memberikan rangkaian perniagaan untuk asnaf. Terdapat juga model Indeks Kejayaan Usahawan Muslim Asnaf (AMSi), berdasarkan teori Maqasid al-Shariah oleh Abu Zaharah yang dijalankan untuk mengenalpasti semua dimensi seperti pengalaman berniaga, keadilan perniagaan, kesejahteraan hidup, dan kebijaksanaan kewangan (Amin, 2022). Institusi zakat boleh memanfaatkan indeks ini untuk menilai kejayaan asnaf.

Instrumen Wakaf

Selain zakat, wakaf juga berperanan penting untuk memastikan kemampanan penternakan. Kajian lepas menunjukkan instrumen wakaf berpotensi digunakan untuk menyokong industri penternakan ayam sebagaimana berikut:

Wakaf Tanah

Kajian kualitatif yang dijalankan mendapati terdapat lima faktor kejayaan kritikal bagi wakaf tanah, dalam menentukan kejayaan wakaf tanah untuk penternakan. Antaranya ialah infrastruktur perundangan yang menyokong, sinergi yang bermakna antara agensi-agensi berkaitan, penambahbaikan aspek operasi, potensi susunan pembiayaan, dan kefahaman yang tepat dalam kalangan pihak berkepentingan (Ishak et al., 2025). Terdapat cadangan Model Wakaf Tanah untuk ternakan lembu oleh Ali Azizan et al. (2022). Model melibatkan kerjasama antara pemegang amanah wakaf, syarikat utama (GLC/PKS/koperasi) dan petani komuniti bagi membekalkan hasil ke pasaran secara mampan. Namun masalah yang timbul di pihak pengurusan adalah keluasan tanah wakaf yang kecil dan kedudukan tanah wakaf yang berselerak terpisah-pisah menyukarkan untuk dibangunkan. Pemecahan tanah pertanian menyukarkan pembangunan ladang berskala besar, sekali gus menjejaskan sekuriti makanan (Majid & Said, 2014). Wakaf berpotensi menyatukan tanah terpisah untuk dimajukan sebagai ladang wakaf. Ini dapat meningkatkan pengeluaran ternakan, membuka peluang pekerjaan, dan menyokong keperluan asnaf (Al-Tulaibawi et al., 2024).

Wakaf Tunai


Kajian Listiana et al. (2025) melalui kaedah netnografik mendapati wakaf berpotensi menyumbang kepada sekuriti makanan secara mampan melalui pertanian, penternakan, dan perikanan menggunakan tanah terbiar, wakaf tunai dan hibrid. Pelaksanaan wakaf tunai dijalankan oleh Waqaf an-Nur dengan menyediakan dana niaga untuk usahawan mendapatkan modal untuk berniaga (S. Sanusi et al., 2024). Dana ini memberikan kemudahan mikro-kredit berjumlah pinjaman antara RM1,500 hingga RM20,000 dengan kadar keuntungan antara sifar hingga empat peratus serta tempoh bayaran balik antara enam hingga 60 bulan. Para peserta boleh membuat pinjaman semula setelah menyelesaikan pinjaman terdahulu sepenuhnya (S. Sanusi et al., 2024). Sementara itu, kajian Ascarya & Masrifah (2023) dan Ayub et al. (2024) mencadangkan model mengurus dana wakaf tunai melalui IT-Fintech untuk tujuan sosial dan komersial bagi kesejahteraan masyarakat di Indonesia dan Pakistan.

Wakaf Menyediakan Infrastruktur

Umum menyangka manfaat wakaf hanya terhad di masjid sahaja dan berbentuk agama, sedangkan wakaf juga bermanfaat untuk kegiatan ekonomi (Supriatna et al., 2024). Sebagai contoh, Waqaf an-Nur menyediakan Pusat Latihan Wakaf dari dana wakaf untuk memberikan latihan kepada para usahawan (S. Sanusi et al., 2024).

Wakaf Menyediakan Pembiayaan Modal

Kajian Sukmana et al. (2024) mencadangkan satu model pembiayaan penternakan sebagaimana Rajah 3.



Rajah 3: Model Pembiayaan Wakaf untuk Ternakan Lembu

Sumber: Sukmana et al. (2024)


Pesantren sebagai nazir kepada tanah wakaf boleh bekerjasama dengan Baitul Maal wat Tamwil (BMT) yang bertindak sebagai nazir wakaf tunai bagi membentuk koperasi penternakan sebagai entiti pelaksana projek pembiakan dan penggemukan lembu. Projek ini dilaksanakan di bawah kontrak *mudharabah*, *musyarakah*, atau *ijarah*, dan diselia oleh pihak pesantren serta BMT.

Wakaf Pendanaan Awam

Model ini merupakan pembiayaan pertanian berasaskan wakaf melalui platform pendanaan awam (*crowdfunding*) di mana dana wakaf disalurkan kepada koperasi dan kumpulan petani menggunakan kontrak syariah seperti *mudharabah*, *ijarah* dan *salam*. Nazir menerima bahagian pengurusan, manakala keuntungan diagihkan kepada penerima manfaat wakaf (*mauquf 'alaih*). Perlindungan takaful turut disediakan bagi menjamin kelangsungan projek. Kajian menunjukkan, syarikat hanya berminat untuk berwakaf jika mereka mempunyai kesedaran berkenaan wakaf (Laila et al., 2023). Justeru, kempen kesedaran wakaf melalui pendanaan awam wajar digiatkan untuk menyokong industri penternakan.

Integrasi Instrumen Zakat dan Wakaf

Kajian lepas mencadangkan gabungan Kewangan Sosial Islam untuk membiayai syarikat mikro seperti di Rajah 4 di bawah. Model pembiayaan *blended Islamic* menggabungkan dana sosial Islam dan pelaburan swasta untuk menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui saringan kemiskinan, sokongan teknikal dan kontrak kewangan. Keuntungan diagih semula melalui mekanisme perkongsian untung dan rugi serta margin keuntungan (Khan & Badjie, 2022).



Rajah 4: Model Pembiayaan Blended Islamic untuk Syarikat Mikro

Sumber: Khan & Badjie (2022)

Namun, kajian ini hanya menunjukkan salah satu daripada instrumen kewangan sosial Islam iaitu dana tunai dapat diintegrasikan untuk membiayai syarikat mikro, sedangkan terdapat banyak lagi instrumen lain daripada zakat dan wakaf yang memerlukan model yang khusus untuk diintegrasikan dalam menyokong industri penternakan ayam.

Potensi Integrasi Instrumen Zakat dan Wakaf dalam Penternakan Ayam

Berikut cadangan elemen model dan potensi seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Potensi Dan Elemen Dalam Model Penternakan Ayam Menggunakan Integrasi Instrumen Zakat Dan Wakaf

Komponen	Elemen Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian	Penjelasan
1. Lokasi dan Infrastruktur	Wakaf Tanah + Wakaf Pembiayaan Infrastruktur	Gunakan tanah wakaf sebagai tapak ladang. Wakaf tunai/infrastruktur digunakan untuk membina reban, pusat pemprosesan, dan stor makanan ayam. Contoh dari model Ali Azizan et al. (2022).
2. Permulaan	Modal Zakat Modal + Wakaf Tunai (Dana Pusingan)	Modal zakat digunakan untuk pembelian ayam, makanan, ubat-ubatan. Dana wakaf tunai pula sebagai tambahan atau dana pusingan berterusan.
3. Peralatan dan Kelengkapan	Zakat Kelengkapan	Bantuan zakat membiayai mesin penetasan, peralatan sembelihan, sistem pemberian makanan automatik dll.
4. Latihan Pembangunan Usahawan	Zakat Latihan + Wakaf Pendidikan	Asnaf diberi latihan penternakan moden, pengurusan kewangan & pemprosesan. Juga boleh guna pusat latihan wakaf seperti Waqaf an-Nur.
5. Pemantauan dan Penilaian Prestasi	Digitalisasi Pemantauan (Zakat)	Gunakan aplikasi pemantauan digital secara <i>real-time</i> seperti dicadangkan oleh Mustofa et al. (2025).
6. Pendanaan Tambahan	Wakaf Awam (Crowdfunding Wakaf)	Pendanaan Sumber dana tambahan dari orang ramai secara wakaf awam untuk projek jangka panjang. Disalurkan kepada koperasi atau syarikat sosial.
7. Tadbir Urus dan Kerjasama Pintar	Kerjasama MAIK, Universiti, Agropreneur	Perlu ada pelan strategik, pengurusan wakaf yang telus LZNK, (boleh guna <i>blockchain</i>), kerjasama dengan agensi teknikal dan pasaran.

Komponen	Elemen Cadangan Berdasarkan Dapatan Kajian	Penjelasan
8. Fokus Sasaran	Asnaf (Zakat)	Pemilihan peserta berdasarkan ketelusan, semangat dan komitmen tinggi. Program kelompok (<i>cluster farming</i>) untuk manfaat bersama.
9. Pendekatan Pembiayaan Inovatif	Zakat sebagai <i>Qard Hasan</i> (Dana Amil)	Seperti LZNK, bukan guna wang zakat <i>mustahiq</i> , tetapi dana amil untuk pinjaman mikro kepada penternak dengan bimbingan.
10. Hasil Pemasaran	dan Kerjasama Rantai Nilai Halal	Hasil ayam boleh dipasarkan melalui koperasi atau syarikat ayam yang telah bekerjasama dengan institusi zakat/wakaf.

Sumber: Olahan Penulis

Penutup

Kajian lepas menunjukkan bahawa zakat dan wakaf berpotensi besar dalam menyokong kemampanan penternakan ayam. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan ayam terutama di Kelantan dengan lebih spesifik dengan memanfaatkan sumber zakat dan wakaf. Dicadangkan kajian akan datang yang berbentuk empirikal dan turun ke lapangan dapat dilaksanakan untuk mengetahui keperluan sebenar industri dan penternak asnaf seterusnya membina model yang sesuai dengan keperluan setempat. Dari sudut implikasi, cadangan IIZAF membuka ruang pembentukan dana berpusing dengan tadbir urus bersama institusi zakat, nazir wakaf dan agensi teknikal, diiringi penetapan petunjuk prestasi operasi dan impak berasaskan Maqasid al-Shariah serta SDG.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas sokongan melalui program MyBrain 2.0 yang telah membantu penyelidikan ini.

Rujukan

- Ab. Rahman, A., Ali Basah, M. Y., Nooh, M. N., Abdullah, M., Mohd Fauzi, A. A., & Abu Bakar, M. F. (2018). Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi Myema. *Journal of Fatwa Management and Research*, 7(1), 57–74. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol7no1.59>
- Abdul Majid, A. H., Maamor, S., Zainal, H., Halim, R. A. C., Yusoff, M. F., Abdullah, N. S. N., & Yusof, R. M. (2024). The Ummah Economic Development Zone: An Innovative Community Development Initiative by Lembaga Zakat Negeri Kedah. *Paper Asia*, 40(6), 331–339. <https://doi.org/10.59953/paperasia.v40i6b.293>
- Adli Zahri, M., Adnan, N. I. M., Irfan, I., & Kashim, M. I. A. M. (2023). Microfinancing from the Zakat Fund in Baitulmal Aceh and the Readiness of Malaysia's Asnaf Entrepreneurs. *Samarah*, 7(1), 418–430. <https://doi.org/10.22373/sjkh.v7i1.16012>
- Akbar, A. A., Rameli, M. F. P., Nor, A. R. M., & Rohana, N. A. M. (2024). Empowering Career Pathways for Asnaf Faqir (Poor People). *Global Journal Al-Thaqafah*, July 2024 (Special Issue), 155–170. <https://doi.org/10.7187/GJATSI072024-11>
- Al-Daihani, M., Dirie, K. A., Alam, M. M., & Abdullah, A. S. B. C. (2024). An Islamic Crowdfunding Model for the Agricultural Sector: A Proposal Based on Salam And Muzāra'ah-Waqf Scheme. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 16(Special Issue 1), 4–22. <https://doi.org/10.55188/ijif.v16iS1.566>
- Al-Daihani, M., Dirie, K. A., Muneem, A., Abdul Lateb, N., & Bouteraa, M. (2025). Islamic social finance and its potential in addressing natural disaster emergencies and advancing sustainable development goals: a proposed model. *International Journal of Ethics and Systems*, March. <https://doi.org/10.1108/IJOES-05-2024-0138>
- Al-Tulaibawi, A., Madrazo, P. D., & Martín-Cervantes, P. A. (2024). Waqf: An Advanced Approach to Combating Agricultural Land Fragmentation in Islamic Countries. *WORLD*, 5(4), 1386–1403. <https://doi.org/10.3390/world5040070> WE - Emerging Sources Citation Index (ESCI)
- Ali Azizan, N., Muhamat, A. A., Syed Alwi, S. F., Ali, H., & Abdullah, A. Q. C. (2022). Revitalising Waqf (endowment) lands for agribusiness: potentials of the anchor company models. *Journal of Agribusiness in Developing and Emerging Economies*, 12(3), 345–370. <https://doi.org/10.1108/JADEE-05-2021-0128>
- Ali, N. A., Sarif, S., & Azzah Kamri, N. (2024). the Influence of Spiritual Factors on Business Survival of Asnaf Entrepreneurs in Malaysia. *Afkar*, 26(1), 89–120. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no1.3>
- Amin, H. (2022). Examining new measure of asnaf muslimpreneur success model: a Maqasid perspective. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 13(4), 596–622. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2021-0116>
- Anwar, M. K., Ridlwan, A. A., Timur, Y. P., Dewi, T. N. L. C., Juliana, J., & Shikur, A. A. (2024). Business Success of Asnaf Women's Entrepreneur: an Islamic Law Perspective. *Al-Ihkam: Jurnal Hukum Dan Pranata Sosial*, 19(2), 1–26. <https://doi.org/10.19105/al-ihkam.v19i1.8690>
- Ascarya, A., Hosen, M. N., & Rahmawati, S. (2022). Designing simple productive waqf models for Indonesia. *International Journal of Ethics and Systems*, 38(3), 380–401. <https://doi.org/10.1108/IJOES-07-2020-0101>
- Ascarya, A., & Masrifah, A. R. (2023). Strategies implementing cash waqf system for Baitul Maal wat Tamwil to improve its commercial and social activities. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 16(1), 130–153. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-10-2020-0504>
- Ayub, M., Khan, K., Khan, M., & Ismail, M. (2024). Waqf for accelerating socioeconomic

- development: a proposed model with focus on Pakistan. *Qualitative Research in Financial Markets*, 16(5), 937–961. <https://doi.org/10.1108/QRFM-07-2023-0161>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Durach, C. F., Kembro, J., & Wieland, A. (2017). A New Paradigm for Systematic Literature Reviews in Supply Chain Management. *Journal of Supply Chain Management*, 53(4), 67–85. <https://doi.org/10.1111/jscm.12145>
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N. R. (2020). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*, 11(2), 181–217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- Haddaway, N. R., Macura, B., Whaley, P., & Pullin, A. S. (2018). ROSES Reporting standards for Systematic Evidence Syntheses: Pro forma, flow-diagram and descriptive summary of the plan and conduct of environmental systematic reviews and systematic maps. *Environmental Evidence*, 7(1). <https://doi.org/10.1186/s13750-018-0121-7>
- Hanifuddin, I., Kasanah, N., & Eficandra. (2024). Al-Qard al-Hasan Program of Bankziska: Zakat Fund-Based Empowerment Model for Victims of Loan Sharks. *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah*, 23(1), 1–12. <https://doi.org/10.31958/juris.v23i1.10799>
- Ishak, A. H., Amira Mohamad, S. N., Ab Manan, S. K., Yahaya, M. H., Wan Daud, W. N., & Sharif, D. (2025). The critical success factors of waqf land development for sustainable agriculture. *Social Sciences and Humanities Open*, 11(December 2024), 101244. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2024.101244>
- Islam, R., & Ahmad, R. (2022). Incorporation of Mudarabah, Musharakah and Musharakah Mutanaqisah with Microfinance: A Sustainable Livelihood Approach to Poverty Alleviation. *Journal of Economic Cooperation and Development*, 43(1).
- Jabatan Mufti Pulau Pinang. (2000). *Fatwa Pulau Pinang*. Laman Web Fatwa Pulau Pinang. <http://efatwa.penang.gov.my/index2.php#>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur 202*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jamaludin, M. H., Marsal, C. J., Jalal, A., Chowdhury, K., Anwari, A. S., Shahril, M., Razimi, A., Harith, Z. T., Redwan, R. M., Zaki, A., Campus, J., Sinaut, K., Pendidikan, F., Kemasyarakatan, S., Universiti, K., Ugama, P., Begawan, S., Raja, J., & Pengiran, I. (2023). *Egg and Broiler Supply in Malaysia: Issues, Challenges and Recommendations*. 11–19.
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2024). *Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023*. <https://www.kpkm.gov.my/images/08-petak-informasi/penerbitan/perangkaan-agromakanan/Perangkaan>
- Khan, T., & Badjie, F. (2022). Islamic blended finance for circular economy impactful smes to achieve sdgs. *Singapore Economic Review*, 67(1), 219–244. <https://doi.org/10.1142/S0217590820420060>
- Kraus, S., & Dasí-rodríguez, S. (2020). The art of crafting a systematic literature review in entrepreneurship research Content courtesy of Springer Nature , terms of use apply . Rights reserved . Content courtesy of Springer Nature , terms of use apply . Rights reserved . *International Entrepreneurship and Management Journal*, 16, 1023–1042. <https://doi.org/https://link.springer.com/article/10.1007/s11365-020-00635-4>
- Laila, N., Ratnasari, R. T., Ismail, S., Mohd Hidzir, P. A., & Mahphoth, M. H. (2023). The intention of small and medium enterprises' owners to participate in waqf: the case of Malaysia and Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 16(3), 429–447. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-01-2022-0014>

- Listiana, L., Timur, Y. P., & Syahyuti. (2025). The Role of Waqf in Achieving Food Security: A Netnographic Study. *International Journal of Islamic Finance And Sustainable Development*, 17(1), 29–50. <https://doi.org/10.55188/ijifsd.v17i1.956> WE - Emerging Sources Citation Index (ESCI)
- Lockwood, C., Munn, Z., & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis: Methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *International Journal of Evidence-Based Healthcare*, 13(3), 179–187. <https://doi.org/10.1097/XEB.0000000000000062>
- Majid, Rifaldi, R. S. (2023). Designing A Waqf-Based Agricultural Financing Model. *Journal of Islamic Monetary Ekonomi and Finance*, 93, 443–464. <https://doi.org/https://doi.org/10.21098/jimf.v9i3.1686>
- Majid, R. A., & Said, R. (2014). Permasalahan Pengurusan Hartanah. *International Surveying Research Journal*, 4(1), 29–43.
- Mat Daud, M. H., & Mubarak, M. Z. (2020). Perancangan dan Perorganisasian dalam Pengurusan Wakaf: Amalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS). *Journal of Techno Social*, 12(1), 68–77. <https://doi.org/10.30880/jts.2020.12.01.008>
- Mukhlisin, Ramadhan, J., & Hayatullah, I. K. (2025). Zakat and Waqf Synergies to Accelerating Sustainable Development. *Journal of Sustainable Development and Regulatory Issues*, 3(1), 29–54. <https://doi.org/10.53955/jsderi.v3i1.56>
- Mustofa, Ahyani, H., Firdaus, D. A., Putra, H. M., Bin Kirin, A., & Muhammad, Z. (2025). Strengthening Zakat Regulation through the Siyāsah Māliyah Approach: A Constitutional and Legal Analysis of Indonesia and Malaysia. *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah*, 24(1), 111–126. <https://doi.org/10.31958/juris.v24i1.14637>
- Nazeri, A. N. N., Nor, S. M., Abdul-Rahman, A., Abdul-Majid, M., & Hamid, S. N. A. (2023). Exploration of a New Zakat Management System Empowered By Blockchain Technology in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 15(4), 127–147. <https://doi.org/10.55188/ijif.v15i4.568>
- Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic Reviews in the Social Sciences*. Blackwell Publishing Ltd.
- RTV Kelantan. (2024). *Live Sidang DUN Kelantan 26.11.2024 (Sesi 1 - Soalan & Jawapan)*. Sidang Dun Kelantan. <https://www.facebook.com/rtvkelantan/videos/576886388038933>
- Saad, A. Y. Q., Mohammed, M. O., Al-Jubari, I., & Ahamed, F. (2022). The Prospect of Waqf in Financing Small and Medium Enterprises (SMEs) in Yemen. *Qudus International Journal of Islamic Studies*, 10(2), 381–414. <https://doi.org/10.21043/qijis.v10i2.9689>
- Samsuddin, N. S., Sharaai, A. H., & Ismail, M. M. (2015). Sustainability of chicken meat production in achieving food security in Malaysia. *Advances in Environmental Biology*, 9(23), 1–6.
- Sanusi, S., Shafiai, M. H. M., Muhammed, A. D., Mohamad, N. I., & Ghazali, A. W. (2024). Driving Economic Resilience: Assessing Cash Waqf's Influence on Micro-Business Sustainability in Malaysia. *Asia-Pacific Management Accounting Journal*, 19(2), 93–108 WE-Emerging Sources Citation Index (ESCI).
- Sanusi, S. W. S. A., Salleh, M. F. M., & Yaacob, S. E. (2023). The Management and Implementation of Zurri Waqf in Malaysian Waqf Institution. *Jurnal Pengurusan*, 67, 43–54. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2022-67-04>
- Saputra, S., & Tanjung, Y. (2024). Enhancing Sustainability through Agricultural Zakāt-Based Philanthropy Movement: A Comprehensive Study on Social Welfare Capital. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 14(1), 231–246. <https://doi.org/10.32350/jitc.141.14>
- Sarif, S., Ali, N. A., & Kamri, N. A. (2024). Zakat for generating sustainable income: an

- emerging mechanism of productive distribution. *Cogent Business and Management*, 11(1). <https://doi.org/10.1080/23311975.2024.2312598>
- Siregar, F. R., Syahbudi, M., & Ilhamy Nasution, M. L. (2024). The Impact of Zakat Utilization and Business Financing on Welfare with Business Sustainability as a Moderating Variable: A Case Study of BAZNAS Labuhanbatu Utara. *Jurnal Ilmiah Mizani*, 11(2), 363–377. <https://doi.org/10.29300/mzn.v11i2.4444>
- Sukmana, R., Ratnasari, R. T., Majid, R., & Mohd Shafiai, M. H. (2024). Designing waqf-based financing model for livestock project: empirical evidence from Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 17(3), 599–617. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-06-2023-0211>
- Sulaiman, N. A. A., Hassan, S. A., Shaffril, H. A. M., & Hanapi, M. S. (2023). Fishermen's Knowledge of Astronomical Phenomena in Fishery Activities: A Systematic Literature Review. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 31(1), 1–24. <https://doi.org/10.47836/PJSSH.31.1.01>
- Supriatna, E., Syarif, D., Afrilia, A., Sundari, A., & Setia, P. (2024). A Waqf Empowerment Model Based on Benefit Analysis. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 14(1), 303–319. <https://doi.org/10.32350/jitc.141.18>
- Syahid, A. M. A., Mujitaba, M. A., Rameli, N., Zukri, T. M. T. S., & Razali, N. A. (2024). Entrepreneurial Human Capital on the Empowerment of Asnaf Entrepreneurs Planning in the State of Selangor. *Planning Malaysia*, 22(1), 296–308. <https://doi.org/10.21837/pm.v22i30.1441>
- Tamby Omar, A., Arshad, R., & Mat Isa, R. (2024). A tie strength framework for improving the poor asnaf students' normative commitment and behaviour. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. <https://doi.org/10.1108/JIABR-07-2022-0185>
- Thaidi, H. A. A., & Rahman, M. F. A. (2022). The Integration of Waqf and Islamic Microfinance in Malaysia: Prospects and Challenges. *Islamic Quarterly*, 65(2), 277–302. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85134690096&partnerID=40&md5=cca27ab27545b4bb0896a631ed899dc5>
- Wahid, A. S. (2025, June 25). Rakyat Kelantan Makan 100000 Ayam Sehari. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/735605/edisi/kelantan/rakyat-kelantan-makan-100000-ayam-sehari>
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>
- Yumna, A., Marta, J., & Yanuarta Re, R. (2024). The impact of waqf-based microfinance program on clients' well-being during COVID-19 pandemic: empirical evidence from Indonesia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 768. <https://doi.org/10.1108/JIABR-02-2022-0040>
- Zulkifli, M. I., Asni, F., & Yusli, A. Y. (2024). Qard Hasan Microcredit Financing Through Zakat Funds: Analysis of Its Implementation in Kedah. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 6(20), 193–202. <https://doi.org/10.35631/aijbes.620016>